

Pelaksanaan Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Bahasa Arab

Kamarulzaman Abdul Ghani
Universiti Malaysia Kelantan
kamarulzaman@umk.edu.my

Ab Halim Tamuri
Universiti Kebangsaan Malaysia
abhalim@ukm.edu.my

ABSTRAK

Beberapa kajian mendapati terdapat isu-isu yang perlu ditangani dalam memperkasa program j-QAF yang berkaitan dengan pelaksanaan, pengurusan dan keberkesanan. Pelaksanaan model-model pengajaran program ini memerlukan guru j-QAF yang berkualiti dengan melengkapkan diri dengan beberapa elemen penting antaranya kemahiran mengajar. Sehubungan itu kajian ini bertujuan meninjau tahap pelaksanaan kemahiran mengajar guru j-QAF Model Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan yang melibatkan seramai 422 orang guru j-QAF dengan cara mengedarkan soal selidik kepada guru j-QAF yang mengajar di sekolah seluruh Malaysia. Hasil tinjauan mendapati tahap pelaksanaan elemen kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF Model Bahasa Arab pada nilai sederhana tinggi ($\text{min}=3.92$, $\text{sp}=0.346$). Implikasi kajian ini menyarankan pengajaran model bahasa Arab perlu dipelbagaikan aktiviti permainan berbahasa dan aktiviti berkumpulan, penggunaan bahasa Arab semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, mempelbagai jenis sumber pembelajaran, meningkatkan PdP bahasa Arab dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi, sentiasa menggunakan bahasa Arab dalam perbualan bersama guru dan murid, dan meningkatkan suasana persekitaran berbahasa Arab dalam bilik darjah.

Kata Kunci: Kemahiran mengajar; guru j-QAF; Model Bahasa Arab.

ABSTRACT

Several studies have found that there are issues that need to be addressed in empowering the j-QAF program related to implementation, management and effectiveness. The implementation of the teaching models of this program requires quality j-QAF teachers by equipping themselves with several important elements including teaching skills. Accordingly, this study aims to examine the level of implementation of teaching skills of teachers j-QAF Arabic Model. This study has used a survey design involving a total of 422 j-QAF teachers by distributing questionnaires to j-QAF teachers who teach in schools throughout Malaysia. The results of the survey found that the level of implementation of the element of readiness of teaching skills of teachers j-QAF Arabic Model at a moderately high value ($\text{mean} = 3.92$, $\text{sp} = 0.346$). Implications of this study suggest that the teaching of Arabic language model should be diversified language game and group activities, use of Arabic during teaching and learning (T&L) of Arabic, diversify types of learning resources, improve T&L of Arabic by applying high-level thinking skills, always use Arabic in conversation with teachers and students, and improve the atmosphere of the Arabic-speaking environment in the classroom.

Keywords: Teaching skills; guru j-QAF; Arabic Model.

PENDAHULUAN

Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad yang telah ditubuhkan pada tahun 2003 mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia agar mewujudkan satu kurikulum pendidikan Islam yang bersepadu dan berasaskan pendekatan Islam Hadhari, mewajibkan semua pelajar

beragama Islam mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah dan menengah serta mewajibkan khatam al-Quran di sekolah rendah, penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Agama hendaklah dieksploitasikan sepenuhnya, pendidikan Agama hendaklah dijadikan sebahagian daripada tanggungjawab sosial, guru - guru agama hendaklah diberikan latihan semula secara khusus dan intensif terutama berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pengaplikasian ilmu pengetahuan dan kemahiran dan semua institusi agama di peringkat rendah dan menengah hendaklah bebas daripada pengaruh yang tidak wajar.

Hasilnya program j-QAF telah dilaksanakan bermula tahun 2005 yang melibatkan semua murid sekolah rendah yang pada mulanya dilaksanakan secara berperingkat (KPM 2006). Program j-QAF diperkenalkan adalah untuk memperkukuhkan Pendidikan Islam melalui penekanan dalam pelajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain di sekolah rendah (KPM 2004). Menerusi program j-QAF, lima model pengajaran telah diperkenalkan iaitu model kelas pemulihan jawi, model ‘Tasmik’, Model Khatam al-Quran, model Bahasa Arab Komunikasi dan model Kem Bestari Solat (Zaidi Razak et al. 2008).

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah melalui satu proses yang panjang semenjak sebelum kedatangan penjajah Barat ke Asia Tenggara, malah ia adalah merupakan kesinambungan kepada kejatuhan kerajaan Islam di Cordova. Bahasa Arab berkembang di Tanah Melayu adalah bermatlamatkan kehendak Islam. Umat Islam pada masa tersebut mahukan kefahaman dan amalan yang padu terhadap isi kandungan al-Quran yang telah mencernakan satu proses pembelajaran bahasa Arab secara lebih meluas. (Misnan et. al, 2013). Setelah hampir 65 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih terus meneliti fasa-fasa perubahan dan penambahbaikan bagi satu asas dan tujuan untuk mendapatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Kedudukan bahasa Arab dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996 seperti berikut:

Seksyen 2 (d) di mana kemudahan bagi pengajaran:

- (iii) bahasa Arab, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana-mana bahasa asing boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian.

Pelaksanaan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dinyatakan dalam Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997- Jadual 3, Jadual 8, Jadual 9 yang dapat dirumuskan seperti berikut:

- (a) Bahasa Arab Komunikasi sebagai mata pelajaran tambahan
- (b) Bahasa Arab Tinggi sebagai mata pelajaran efektif.

Pelaksanaan program j-QAF ini dilakukan melalui penggubalan kurikulum, model dan juga modul yang tersendiri. Dalam usaha menjayakan program j-QAF ini, guru-guru diberikan latihan khusus oleh pihak institut pendidikan guru untuk melaksanakan program pemulihan, bimbingan, pengukuhan, pengayaan, dan penghayatan pelajar (Ibrahim Hashim et.al. 2009).

Oleh itu guru j-QAF berkesan bukan sahaja mempunyai penguasaan ilmu yang tinggi bahkan perlu mahir dalam aspek pedagogi agar dapat menterjemahkan segala ilmu yang diajar dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran yang efektif, berkesan dan menyeronokkan. Melalui kemahiran dalam P&P yang mantap, seseorang guru itu dapat melaksanakan pengajarannya mengikut tahap kecerdasan pelajar, latar belakang serta sosio ekonominya menggunakan pelbagai kaedah, strategik, teknik dan pendekatan yang tertentu dalam pengajarannya. Situasi ini dilihat dapat membantu guru menjayakan proses pengajaran dan

pembelajarannya dengan tepat dan berkesan sehingga akhir pengajarannya (Zamri Mahamod et. al. 2007).

Penggunaan strategi dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kecerdasan merupakan antara ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seorang guru. Menurut Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007), kemahiran mengajar adalah meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar secara berkesan dengan pelbagai kaedah, teknik dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut adalah perlu bagi memastikan pengajaran guru yang bermutu disamping dapat menarik minat pelajar disebabkan pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan. Antara kaedah dan strategi pengajaran ialah bercerita, kuliah, hafazan, syarahan, lawatan dan latihan.

Menurut Tengku Sarina (2008), pengajaran melalui pendekatan Individu merupakan antara kaedah yang sesuai bagi tujuan penghayatan dan amalan ilmu pendidikan Islam. Antara kaedah yang boleh diaplikasikan dalam pendekatan individu oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran ialah kaedah perbincangan dalam kumpulan, bercerita, soal jawab, hafalan, latihan, penyelesaian masalah, lawatan atau luar kelas, projek, sokratik, penyelidikan, kerja bersendirian, amali, resitasi dan sebagainya.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan mendapati, pengajaran j-QAF yang dirancang dalam kurikulum pendidikan Islam telah memberikan kesan positif terhadap pembangunan pelajar sama ada dari segi rohani mahupun emosi (Ibrahim et.al. 2009). Usaha ini dilihat merupakan satu titik permulaan yang berkesan untuk membentuk jati diri kanak-kanak Islam. Namun kajian-kajian ini juga mendapati terdapat beberapa isu yang perlu ditangani dalam memperkasa program penting ini yang berkaitan dengan pelaksanaan, pengurusan dan keberkesanan program j-QAF tersebut.

Pelaksanaan model-model pengajaran program ini memerlukan guru j-QAF yang berkualiti dengan melengkapkan diri dengan elemen ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti serta motivasi. Namun terdapat beberapa isu dikenal pasti dalam pelbagai aspek pelaksanaannya. Kajian lepas mendapati bahawa, guru j-QAF kurang mahir menggunakan peralatan ICT, kurang mahir menggunakan teknik-teknik pengajaran yang dicadangkan dalam model j-QAF serta kurang mahir dalam bidang pedagogi, mengawal kelas dan merumus pelajaran. Permasalahan ini wujud kerana kesukaran mendapatkan ABM/BBM yang sesuai dan ketidakcukupan ABM (Misnan Jemali et. al 2013). Hal ini menyebabkan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru j-QAF tidak sesuai dengan kaedah pengajaran. Guru j-QAF perlukan menerapkan elemen amalan dalam pengajaran (Fathiyah et. al 2013).

Dalam aspek model bahasa Arab didapati pencapaian murid masih berada pada tahap yang rendah. (Misnan Jemali et. al 2013). Bagi pelaksanaan Model Perluasan Bahasa Arab mendapati bahawa murid-murid program j-QAF menghadapi kelemahan dalam menulis petikan berdasarkan situasi menggunakan ayat-ayat mudah dan kelemahan dalam bertutur dalam situasi tertentu dalam bahasa Arab, memahami ayat bahasa Arab, membaca dengan betul ayat bahasa Arab serta menyebut ayat bahasa Arab. Perkara ini menyebabkan murid bermain ketika kelas bahasa Arab dijalankan (Asmawati Suhid 2013). Lanjutan daripada itu menyebabkan murid membuat bising dan tidak mendapat arahan yang jelas daripada.

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji tahap pelaksanaan kemahiran mengajar guru j-QAF Model Bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Kajian ini memilih kaedah kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan yang melibatkan seramai 422 orang guru j-QAF opsyen Bahasa Arab daripada 6520 orang guru dari seluruh Malaysia. Unit-unit sampel pula dipilih secara rawak daripada kawasan-kawasan sampel tersebut berdasarkan sistem zon, iaitu:

- a. Zon Utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perlis)
- b. Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan)
- c. Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)
- d. Zon Tengah (Perak, Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya)
- e. Zon Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan)

Maklumat kajian ini diperolehi daripada dua instrumen kajian, iaitu soal selidik yang diedar guru j-QAF yang mengajar di sekolah seluruh Malaysia. Soal selidik ini mempunyai 6 bahagian; iaitu bahagian A, mengandungi item-item tentang latar belakang responden daripada segi nama sekolah, jantina, umur, opsyen kelayakan ikhtisas, model program j-QAF yang diajarkan di sekolah, kelulusan akademik tertinggi, pengalaman mengajar, tempoh mengajar di sekolah terkini, penglibatan dalam pentadbiran, lokasi sekolah, tahun ambilan program j-QAF dan graduan IPGK. Bahagian B pula, terdiri daripada 77 item bagi melihat tahap pengurusan, pelaksanaan dan keberkesanan dalam model perluasan bahasa Arab.

Alat kajian ini telah dibincangkan dan dirujuk kepada lapan orang pakar dalam pengajaran dan pembelajaran program j-QAF di Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam dan Institut Pendidikan Guru dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Selepas itu, kajian rintis dijalankan kepada 30 orang guru j-QAF sekolah kebangsaan di daerah Hulu Langat. Item ini telah dibincangkan bersama dengan rakan penyelidik daripada Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan tiga orang pegawai daripada Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan 2 orang daripada Institut Pendidikan Guru Malaysia serta 6 orang guru j-QAF yang sedang melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan 12 orang guru j-QAF. Kajian rintis telah dilakukan terhadap 30 orang guru j-QAF di sekolah rendah di daerah Hulu Langat. Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen mendapati nilai Alfa Cronbach bagi soal selidik guru j-QAF adalah 0.926.

Statistik deskriptif yang digunakan bagi analisis data adalah skor, peratusan, frekuensi, min dan sisihan piawai. Manakala nilai min bagi kajian ini adalah menggunakan lima skala Likert, kajian ini membahagikan kepada empat mata (Azhar Ahmad (2006) dan Ahmad Munawwar (2009) seperti jadual 1 dibawah:

Jadual 1. Interpretasi skor purata (Skala *Likert* 5)

Skor purata	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah (Sangat Tidak Memuaskan/Sangat Tidak baik)
2.01 hingga 3.00	
3.01 hingga 4.00	Sederhana Rendah (Kurang memuaskan/Kurang baik)
4.01 hingga 5.00	Sederhana Tinggi (Memuaskan/Baik)
	Tinggi (Sangat memuaskan/Sangat Baik)

Sumber: Azhar Ahmad (2006) dan Ahmad Munawwar (2009)

DAPATAN KAJIAN

Data responden kajian ini diperolehi daripada guru-guru j-QAF yang mengajar di 174 buah sekolah di seluruh negara yang melibatkan 422 orang guru yang telah memberikan respon melalui soal selidik yang diedarkan.

Bagi taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina sebagaimana jadual berikut:

Jadual 2. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	Lelaki	107	25.4
2	Perempuan	313	74.2

Jadual 2 menunjukkan taburan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 107 orang responden (25.4%) terdiri daripada responden lelaki manakala seramai 313 orang responden (74.2%) adalah responden perempuan. Responden perempuan menunjukkan jumlah yang lebih besar berbanding responden lelaki.

Manakala taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur adalah seperti berikut:

Jadual 3. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur

Bil	Kumpulan	Jumlah	Peratus
1	Kurang 25 Tahun	7	1.7
2	25 - 35 Tahun	315	74.6
3	36 - 45 Tahun	99	23.5

Jadual 3 di atas menunjukkan seramai 7 orang responden (1.7%) berumur kurang daripada 25 tahun, seramai 315 orang responden (74.6%) berumur antara 25 hingga 35 tahun, 99 orang responden (23.5%) berumur antara 36 hingga 45 tahun. Responden yang paling tinggi jumlahnya adalah berumur 25 hingga 35 tahun dan yang paling rendah adalah jumlahnya adalah responden berumur kurang daripada 25 tahun.

Sebanyak 16 item berkaitan pelaksanaan elemen kemahiran mengajar yang berkaitan dengan kesediaan guru j-QAF dalam pengajaran model bahasa Arab. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item pula menunjukkan tahap pelaksanaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran model bahasa Arab berada pada 3 tahap iaitu tinggi, sederhana tinggi dan sederhana rendah. Jadual di bawah menerangkan perincian mengenai taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF model bahasa Arab.

Jadual 4. Analisa Tahap Pelaksanaan Kemahiran Mengajar Guru Model Bahasa Arab

No	Item	Kekerapan & Peratus (N=344)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
EB9	berkemampuan mengajar menggunakan pendekatan kreatif	1 (0.2%)	9 (2.1%)	49 (11.6%)	227 (53.8%)	58 (13.7%)	3.96	0.66	ST

	melalui kaedah pengajaran 4 frasa terarah								
EB10	menekankan satu atau dua kemahiran bahasa terpilih sahaja dalam setiap aktiviti PdP bahasa Arab	4 (0.9%)	7 (1.7%)	61 (14.5%)	224 (53.1%)	48 (11.4%)	3.88	0.70	ST
EB11	mengajar menggunakan bahasa Arab standard (Fusha) sepenuhnya dalam aktiviti PdP bahasa Arab	-	11 (2.6%)	64 (15.2%)	188 (44.5%)	81 (19.2%)	3.98	0.74	ST
EB12	mahir membaca mengikut intonasi/tekanan suara bahasa Arab	-	2 (0.5%)	43 (10.2%)	209 (49.5%)	90 (21.3%)	4.12	0.63	T
EB13	mahir menulis menggunakan gaya bahasa (uslub) bahasa Arab	-	5 (1.2%)	72 (17.1%)	211 (50.0%)	56 (13.3%)	3.92	0.65	ST
EB14	mahir bertutur bahasa Arab dengan fasih dan lancar	4 (0.9%)	23 (5.5%)	111 (26.3%)	172 (40.8%)	34 (8.1%)	3.60	0.80	ST
EB15	menggunakan kata sapaan dalam bahasa Arab setiap hari di sekolah	7 (1.7%)	64 (15.2%)	115 (27.3%)	93 (22.0%)	65 (15.4%)	3.42	1.06	ST
EB16	menggunakan pelbagai BBM yang sesuai dalam pengajaran bahasa Arab	-	-	29 (6.9)	232 (55.0%)	83 (19.7%)	4.15	0.55	T
EB17	menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam PdP bahasa Arab yang bersesuaian dengan kemahiran berbahasa yang diajar	1 (0.2%)	1 (0.2%)	16 (3.8%)	221 (52.4%)	105 (24.9%)	4.24	0.57	T
EB18	menyediakan lembaran kerja bahasa Arab kepada murid	2 (0.5%)	3 (0.7%)	15 (3.6%)	201 (47.6%)	123 (29.1%)	4.27	0.64	T
EB19	melaksanakan PdP bahasa Arab dengan menggunakan teknik pengulangan	25 (5.9%)	73 (17.3%)	96 (22.7%)	86 (20.4%)	64 (15.2%)	3.26	1.20	ST
EB20	menggunakan teknik nyanyian dalam PdP bahasa arab	-	1 (0.2%)	17 (4.0%)	204 (48.3%)	122 (28.9%)	4.29	0.57	T

EB21	menggunakan kaedah permainan dalam PdP bahasa arab	-		16 (3.8%)	221 (52.4%)	107 (25.4%)	4.26	0.54	T
EB22	menggunakan kaedah perbualan/simulasi dalam PdP bahasa arab	-	1 (0.2%)	10 (2.4%)	226 (53.6%)	107 (25.4%)	4.27	0.52	T
EB23	mengaplikasikan kaedah didik hiburan dalam setiap kali PdP bahasa arab	-	-	23 (5.5%)	223 (52.8%)	98 (23.2%)	4.21	0.55	T
EB24	berkebolehan mengurus dan melaksanakan aktiviti berkumpulan dengan baik	-	1 (0.2%)	24 (5.7%)	233 (55.2%)	86 (20.4%)	4.17	0.55	T
EB25	menerapkan elemen kreativiti dalam aktiviti PdP bahasa Arab	-	1 (0.2%)	22 (5.2%)	239 (56.6%)	82 (19.4%)	4.16	0.53	T
EB26	menerapkan elemen keusahawanan dalam PdP bahasa Arab	1 (0.2%)	2 (0.5%)	37 (8.8%)	234 (55.5%)	70 (16.6%)	4.07	0.60	T
EB27	menjalankan PdP bahasa Arab dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi	18 (4.3%)	66 (15.9%)	122 (28.9%)	108 (25.6%)	30 (7.1%)	3.19	1.01	ST
EB28	menulis impak/refleksi untuk menilai kekuatan/kelemahan PdP yang dijalankan	1 (0.2%)	1 (0.2%)	13 (3.1%)	232 (55.0%)	97 (23.0%)	4.22	0.55	T
EB29	menyediakan aktiviti PdP yang melibatkan murid secara aktif	4 (0.9%)	15 (3.6%)	-	224 (53.1%)	101 (23.9%)	4.21	0.63	T
EB30	mengawal kelas secara tidak tersusun	25 (5.9%)	51 (12.1%)	95 (22.5%)	99 (23.5%)	74 (17.5%)	3.42	1.19	ST
EB31	memberikan penerapan nilai murni dalam kalangan murid melalui PdP bahasa Arab	11 (2.6%)	40 (9.5%)	81 (19.2%)	99 (23.5%)	113 (26.8%)	2.23	1.12	SR
EB32	menggunakan bahasa kelas (Lughah Al-Fasli) semasa dalam kelas	4 (0.9%)	5 (1.2%)	37 (8.8%)	207 (49.1%)	91 (21.6%)	4.09	0.73	T
EB33	menggunakan dwi bahasa semasa PdP	3 (0.7%)	5 (1.2%)	43 (10.2%)	230 (54.5%)	63 (14.9%)	4.00	0.67	T

	bahasa Arab dijalankan								
EB34	menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam kelas	14 (3.3%)	36 (8.5%)	154 (36.5%)	111 (26.3%)	29 (6.9%)	3.30	0.91	ST
EB35	menggunakan CD P&P/Nasyid sebagai BBM bahasa Arab	2 (0.5%)	5 (1.2%)	39 (9.2%)	218 (51.7%)	80 (19.0%)	4.07	0.67	T
EB36	memperkenalkan perkataan asas yang terdapat dalam CD sebagai pemulaan pengajaran bahasa arab	6 (1.4%)	6 (1.4%)	53 (12.6%)	214 (50.7%)	65 (15.4%)	3.94	0.75	ST
EB37	menggunakan pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab	3 (0.7%)	1 (0.2%)	26 (6.2%)	256 (60.7%)	58 (13.7%)	4.06	0.57	T
EB38	menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab di Makmal Bahasa/Bilik Bahasa Arab	19 (4.5%)	127 (30.1%)	118 (28.0%)	53 (12.6%)	27 (6.4%)	2.83	1.02	SR
	Min Keseluruhan pelaksanaan Kemahiran Mengajar Guru Model Bahasa Arab Program j-QAF						3.92	.035	ST

Berdasarkan jadual 4 di atas, "Mengenal pasti tahap Pelaksanaan Kemahiran Mengajar Guru j-QAF Model Bahasa Arab" keseluruhannya berada antara nilai 4.29 hingga 3.19 sebanyak 16 item berkaitan tahap pelaksanaan kemahiran mengajar Guru j-QAF Model Bahasa Arab mencapai skor min tinggi (min= 4.01) ke atas, manakala 11 item mencapai skor min sederhana tinggi (min=3.01) dan 2 item mendapat skor min sederhana rendah (min=2.01) item EB20 "menggunakan teknik nyanyian dalam PdP bahasa arab" mencapai skor min paling tinggi sebanyak (min= 4.29, sp=0.571) iaitu seramai 122 orang guru (28.9%) sangat bersetuju, 204 orang guru (48.3%) bersetuju, manakala, 17 orang guru (4.0%) didapati kurang bersetuju, seorang sahaja guru (0.2%) tidak bersetuju terhadap item tersebut.

Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item EB18 dan EB22 iaitu "menyediakan lembaran kerja bahasa Arab kepada murid" dan "menggunakan kaedah perbualan/simulasi dalam PdP bahasa arab". Bagi EB18, dengan nilai (min=4.27, sp=0.641) seramai 123 orang guru (29.1%) sangat bersetuju, 201 orang guru (47.6%) bersetuju, manakala 15 orang guru (3.6%) kurang bersetuju, 3 orang guru (0.7%) tidak bersetuju dan 2 orang guru (0.5%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi EB22, dengan nilai (min=4.27, sp=0.525) seramai 107 orang guru (25.4%) sangat bersetuju, 226 orang guru (53.6%) bersetuju dengan cadangan ini, 10 orang guru (2.4%) kurang bersetuju, manakala seorang guru (0.2%) tidak bersetuju dengan item berikut. Skor min yang ketiga tertinggi ialah item EB21 iaitu "menggunakan kaedah permainan dalam PdP bahasa arab" dengan nilai (min=4.26, sp=0.537). seramai 107 orang guru (27.3%) sangat bersetuju dengan item ini. 221 orang guru (52.4%) bersetuju. Manakala, 16 orang guru (3.8%) kurang bersetuju dengan item tersebut.

Seterusnya, item EB17 “menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam PdP bahasa Arab yang bersesuaian dengan kemahiran berbahasa yang diajar” dengan nilai (min=4.24, sp=0.575) menunjukkan seramai 105 orang guru (24.9%) sangat bersetuju dengan item ini. 221 orang guru bersetuju (52.4%). Manakala, 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan 1 orang tidak setuju (0.2%) dan 16 orang guru (3.8%) kurang bersetuju berkaitan menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam PdP bahasa Arab yang bersesuaian dengan kemahiran berbahasa yang diajar. Seterusnya, item EB28 “menulis impak/refleksi untuk menilai kekuatan/kelemahan PdP yang dijalankan” dengan nilai (min=4.22, sp=0.552) menunjukkan seramai 97 orang guru (23.0%) sangat bersetuju dengan item ini. 232 orang guru (55.0%) bersetuju. Manakala, 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dan 13 orang guru (3.1%) kurang bersetuju berkaitan menulis impak/refleksi untuk menilai kekuatan/kelemahan PdP yang dijalankan.

Berdasarkan kepada persoalan mengenai teknik yang paling kerap digunakan dalam menjalankan pdp bahasa Arab. Peserta kajian menyatakan teknik lakonan, soal jawab, teknik mengingat kembali dan menulis semula, memberikan pujian kepada murid yang boleh menguasai pembelajaran, menggunakan teknik sebutan dan bacaan yang betul serta berulang-ulang kali, menggunakan pen yang berlainan warna bagi membetulkan kesalahan murid, menggunakan kaedah menulis, menghafal serta membaca. Selain itu, penggunaan lagu yang bersesuaian menguatkan ingatan murid terhadap ilmu yang dipelajari. Selain itu, guru menggalakan murid bercakap serta mendengar, membaca dan membina ayat. Murid-murid perlu diberikan ayat-ayat yang pendek terlebih dahulu sebelum didedahkan dengan ayat yang panjang.

Seterusnya, item EB23 “mengaplikasikan kaedah didik hibur dalam setiap kali PdP bahasa arab” dengan nilai (min=4.21, sp=0.552) menunjukkan seramai 98 orang guru (23.2 %) sangat bersetuju dengan item ini. 223 orang guru (52.8%) bersetuju. Manakala, 23 orang guru (5.5%) kurang bersetuju berkaitan mengaplikasikan kaedah didik hibur dalam setiap kali PdP bahasa arab. Seterusnya, item EB29 “menyediakan aktiviti PdP yang melibatkan murid secara aktif” dengan nilai (min=4.21, sp=0.629) menunjukkan seramai 101 orang guru (23.9%) sangat bersetuju dengan item ini. 224 orang guru bersetuju (53.1%) Manakala, 4 orang guru (0.9%) sangat tidak bersetuju dan 15 orang tidak setuju berkaitan. Seterusnya, item EB24 “” dengan nilai (min=4.17, sp=0.549) menunjukkan seramai 86 orang guru (20.4%) sangat bersetuju dengan item ini. 233 orang guru bersetuju (55.2%). Manakala, 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dan 24 orang tidak setuju (5.7%) berkaitan berkebolehan melaksanakan aktiviti berkumpulan dengan baik. Seterusnya, item EB25 “menerapkan elemen kreativiti dalam aktiviti PdP bahasa Arab ” dengan nilai (min=4.16 , sp=0.535) menunjukkan seramai 82 orang guru (20.4%) sangat bersetuju dengan item ini. 239 orang guru bersetuju (56.6%) Manakala, 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dan 22 orang kurang setuju (5.2%) berkaitan “menerapkan elemen kreativiti dalam aktiviti PdP bahasa Arab.

Bagi item EB12 “mahir membaca mengikut intonasi/tekanan suara bahasa Arab” dengan nilai (min=4.12 , sp=0.628) menunjukkan seramai 90 orang guru (21.3%) sangat bersetuju dengan item ini. 209 orang guru bersetuju (49.5%) Manakala, 2 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dan 43 orang tidak setuju (10.2%) berkaitan mahir membaca mengikut intonasi/tekanan suara bahasa Arab. Seterusnya, item EB32 “menggunakan bahasa kelas (Lughah Al-Fasli) semasa dalam kelas” dengan nilai (min=4.09, sp=0.726) menunjukkan seramai 91 orang guru (21.6%) sangat bersetuju dengan item ini. 207 orang guru bersetuju (49.1%) Manakala, 4 orang guru (0.9%) sangat tidak bersetuju dan 5 orang tidak setuju (10.2%) serta 37 orang guru (8.8%) kurang bersetuju berkaitan mahir membaca mengikut

intonasi/tekanan suara bahasa Arab. Seterusnya, item EB35 “menggunakan CD P&P/Nasyid sebagai BBM bahasa Arab” dengan nilai (min=4.07, sp=0.672) menunjukkan seramai 80 orang guru (19.0%) sangat bersetuju dengan item ini. 218 orang guru bersetuju (51.7%) Manakala, 2 orang guru (0.5%) sangat tidak bersetuju dan 5 orang tidak setuju (1.2%) serta 39 orang guru (9.2%) kurang bersetuju berkaitan mahir membaca mengikut intonasi/tekanan suara bahasa Arab.

Item EB35 pula “menggunakan dwi bahasa semasa PdP bahasa Arab dijalankan” dengan nilai (min=4.00, sp=0.667) menunjukkan seramai 63 orang guru (14.9%) sangat bersetuju dengan item ini. 230 orang guru bersetuju (54.5%) Manakala, 3 orang guru (0.7%) sangat tidak bersetuju dan 5 orang tidak setuju (1.2%) serta 43 orang guru (10.2%) kurang bersetuju berkaitan menggunakan dwi bahasa semasa PdP bahasa Arab dijalankan.

Manakala item EB11 “mengajar menggunakan bahasa Arab standard (Fusha) sepenuhnya dalam aktiviti PdP bahasa Arab” dengan nilai (min=3.98, sp=0.667) menunjukkan seramai 81 orang guru (19.2%) sangat bersetuju dengan item ini. 188 orang guru bersetuju (44.5%) Manakala, 11 orang guru (2.6%) setuju serta 64 orang guru (15.2%) kurang bersetuju berkaitan “mengajar menggunakan bahasa Arab standard (Fusha) sepenuhnya dalam aktiviti PdP bahasa Arab. Seterusnya, item EB9 “berkemampuan mengajar menggunakan pendekatan kreatif melalui kaedah pengajaran 4 frasa terarah” dengan nilai (min=3.96, sp=0.664) menunjukkan seramai 58 orang guru (13.7%) sangat bersetuju dengan item ini. 227 orang guru bersetuju (53.8%) Manakala, 1 orang guru (0.2%) sangat setuju serta 9 orang guru (21.4%) serta 49 orang guru (11.6%) kurang bersetuju berkaitan berkemampuan mengajar menggunakan pendekatan kreatif melalui kaedah pengajaran 4 frasa terarah.

Seterusnya, item EB9 “memperkenalkan perkataan asas yang terdapat dalam CD sebagai pemulaan pengajaran bahasa arab” dengan nilai (min=3.94, sp=0.754) menunjukkan seramai 65 orang guru (15.4%) sangat bersetuju dengan item ini. 214 orang guru bersetuju (50.7%) Manakala, 6 orang guru (1.4%) sangat setuju serta 6 orang guru (1.4%) serta 53 orang guru (12.6%) kurang bersetuju berkaitan memperkenalkan perkataan asas yang terdapat dalam CD sebagai pemulaan pengajaran bahasa arab. Seterusnya, item EB13 “mahir menulis menggunakan gaya bahasa (uslub) bahasa Arab” dengan nilai (min=3.92, sp=0.652) menunjukkan seramai 56 orang guru (13.3%) sangat bersetuju dengan item ini. 211 orang guru bersetuju (50.7%) Manakala, 5 orang guru (1.2%) serta 72 orang guru (17.1%) kurang bersetuju berkaitan mahir menulis menggunakan gaya bahasa (uslub) bahasa Arab. Seterusnya, item EB9 “menggunakan kata sapaan dalam bahasa Arab setiap hari di sekolah” dengan nilai (min=3.42, sp=1.057) menunjukkan seramai 65 orang guru (15.4%) sangat bersetuju dengan item ini. 93 orang guru bersetuju (22.0%) Manakala, 7 orang guru (1.7%) sangat tidak setuju serta 64 orang guru tidak setuju (15.2%) serta 115 orang guru (27.3%) kurang bersetuju berkaitan menggunakan kata sapaan dalam bahasa Arab setiap hari di sekolah.

Bagi item EB34 “menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam kelas” dengan nilai (min=3.30, sp=0.914) menunjukkan seramai 29 orang guru (6.9%) sangat bersetuju dengan item ini. 111 orang guru bersetuju (26.3%) Manakala, 14 orang guru (3.3%) sangat tidak setuju serta 36 orang guru tidak setuju (8.5%) serta 154 orang guru (36.5%) kurang bersetuju berkaitan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam kelas. Seterusnya, item EB19 “melaksanakan PdP bahasa Arab dengan menggunakan teknik pengulangan” dengan nilai (min=3.26, sp=1.196) menunjukkan seramai 64 orang guru (15.2%) sangat bersetuju dengan item ini. 86 orang guru bersetuju (20.4%) Manakala, 25 orang guru (5.9%) sangat tidak setuju

serta 73 orang guru tidak setuju (17.3%) serta 96 orang guru (22.7%) kurang bersetuju berkaitan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam kelas.

Manakala 3 item yang menunjukkan skor min terendah ialah pada item EB31 “memberikan penerapkan nilai murni dalam kalangan murid melalui PdP bahasa Arab” dengan nilai (min=2.23, sp=1.124). seramai 113 orang guru (26.8%) sangat bersetuju, 99 orang guru (23.5%) bersetuju. Manakala seramai 81 orang guru (19.2%) kurang bersetuju untuk memberikan penerapkan nilai murni dalam kalangan murid melalui PdP bahasa Arab, 40 orang guru (9.5%) tidak bersetuju dan 1 orang guru (2.6%) sangat tidak bersetuju dengan item berikut.

Berdasarkan kepada persoalan mengenai proses penerapan nilai murni dilakukan semasa pdp bahasa Arab. Peserta kajian menyatakan bahawa proses penerapan nilai murni diterapkan semasa aktiviti dijalankan, diakhir sesi penutup proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan menggunakan gambar-gambar yang terdapat dalam buku teks.

Item kedua mendapat skor min terendah ialah pada item EB38 “menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab di Makmal Bahasa/Bilik Bahasa Arab” dengan nilai (min=2.83,sp=1.106) seramai 27 orang guru (6.4%) sangat bersetuju, 53 orang guru (12.6%) bersetuju, manakala 118 orang guru (28.0%) kurang bersetuju, 127 orang guru (30.0%) tidak bersetuju dan 19 orang guru (4.5%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Berdasarkan kepada persoalan tempat yang digunakan bagi menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab. Peserta kajian menyatakan penggunaan bilik darjah, lawatan ke tempat-tempat tertentu, makmal komputer, perpustakaan, bilik tayangan, luar kelas seperti taman sekolah dan pondok di sekitar sekolah.

Skor min ketiga terendah di dalam jadual ini ialah pada item EB27 “menjalankan PdP bahasa Arab dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi” dengan nilai (min=3.19, sp=1.104). seramai 30 orang guru (7.1%) sangat bersetuju dengan cadangan ini, 108 orang guru (25.6%) bersetuju, 122 orang guru (28.9%) kurang bersetuju. Manakala, 66 orang guru (15.9%) tidak bersetuju dan 18 orang guru (4.3%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Min keseluruhan pelaksanaan kemahiran mengajar guru j-QAF model bahasa Arab pada nilai (min=3.92, sp=0.346).

PERBINCANGAN

Berdasarkan pandangan guru j-QAF, 3 item yang menunjukkan skor min terendah ialah pada item EB31 “memberikan penerapkan nilai murni dalam kalangan murid melalui PdP bahasa Arab” dengan nilai (min=2.23, sp=1.124). seramai 113 orang guru (26.8%) sangat bersetuju, 99 orang guru (23.5%) bersetuju. Manakala seramai 81 orang guru (19.2%) kurang bersetuju untuk memberikan penerapkan nilai murni dalam kalangan murid melalui PdP bahasa Arab, 40 orang guru (9.5%) tidak bersetuju dan 1 orang guru (2.6%) sangat tidak bersetuju dengan item berikut.

Dapatan menunjukkan bahawa hanya 50.3% dalam kalangan responden guru j-QAF yang memberikan penerapkan nilai murni dalam kalangan murid melalui PdP bahasa Arab. Item kedua mendapat skor min terendah ialah pada item EB38 “menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab di Makmal Bahasa/Bilik Bahasa Arab” dengan nilai (min=2.83,sp=1.106) seramai 27 orang guru (6.4%) sangat bersetuju, 53 orang guru (12.6%) bersetuju, manakala 118 orang guru (28.0%) kurang bersetuju, 127 orang guru (30.0%) tidak bersetuju dan 19 orang guru (4.5%)

sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa 19 % dalam kalangan responden sahaja yang menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab di Makmal Bahasa/Bilik Bahasa Arab.

Skor min ketiga terendah ialah pada item EB27 “menjalankan PdP bahasa Arab dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi” dengan nilai (min=3.19, sp=1.104). seramai 30 orang guru (7.1%) sangat bersetuju dengan cadangan ini, 108 orang guru (25.6%) bersetuju, 122 orang guru (28.9%) kurang bersetuju. Manakala, 66 orang guru (15.9%) tidak bersetuju dan 18 orang guru (4.3%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa hanya 32.7% dalam kalangan guru j-QAF yang menjalankan PdP bahasa Arab dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Berdasarkan pandangan pentadbir sekolah, guru akademik dan guru pendidikan Islam, item terendah ialah item EB11 iaitu “menggunakan kaedah permainan dalam PdP bahasa arab” dengan nilai (min=4.07, sp=0.602) dan EB10 iaitu “menggunakan kaedah nyanyian dalam PdP bahasa arab” dengan nilai (min=4.07, sp.=0.625. Bagi item EB11, seramai 91 orang guru (20.9%) sangat bersetuju dengan item ini. Seramai 293 orang guru (67.4%) bersetuju, 45 orang guru (10.3%) kurang bersetuju dan 6 orang guru (1.4%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapatan menunjukkan 88.3% guru j-QAF menggunakan kaedah permainan dalam PdP bahasa arab. Manakala item EB10 mendapati seramai 96 orang guru (22.1%) sangat bersetuju dengan item ini. Manakala seramai 281 orang guru (64.6%) bersetuju. Manakala, 52 orang guru (12.0%) kurang bersetuju dan 6 orang guru (1.4%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa 86.7% guru j-QAF menggunakan kaedah nyanyian dalam PdP bahasa arab.

Manakala, skor min kedua terendah ialah pada item EB7 “menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam PdP bahasa Arab yang bersesuaian dengan kemahiran berbahasa yang diajar” dengan nilai (min=4.08, sp=0.597) menunjukkan seramai 89 orang guru (20.5%) sangat bersetuju dengan item ini. 300 orang guru bersetuju (69.0%). Manakala, 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan 5 orang tidak setuju (1.1%) dan 40 orang guru (9.2%) kurang bersetuju berkaitan menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam PdP bahasa Arab. Dapatan menunjukkan bahawa 89.5% responden menyatakan bahawa guru j-QAF menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam PdP bahasa Arab yang bersesuaian dengan kemahiran berbahasa yang diajar.

Secara keseluruhan tahap pelaksanaan elemen kesediaan kemahiran mengajar guru model bahasa Arab program j-QAF berada pada nilai (min=4.07, sp.=0.421), iaitu pada tahap tinggi yang ditafsirkan sebagai sangat memuaskan.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, ia memberi implikasi kepada beberapa pihak berkepentingan, iaitu:

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia
 - Dicadangkan agar KPM memperuntukkan masa pdp bahasa Arab.
 - Dicadangkan kepada KPM agar mengurangkan isi kandungan Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Arab.
 - Dicadangkan agar diwujudkan sukatan pelajaran bagi murid lemah dalam bahasa Arab.
- b. Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah

- Dicadangkan agar JPN/PPD mengadakan kursus yang mampu memperbaiki kemahiran bahasa Arab sama ada guru pendidikan Islam j-QAF mahupun guru bahasa Arab j-QAF.
 - Dicadangkan agar kursus pemantapan bahasa Arab dijalankan secara berkala yang didedahkan dengan teknik baru pengajaran bahasa Arab.
- c. Guru Pendidikan Islam Program j-QAF
- Guru diwajibkan menggunakan format pentaksiran bahasa Arab PKSR agar pentaksiran berasaskan sekolah mampu menyelesaikan masalah keciciran murid dalam penguasaan kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul.
 - Para guru diharapkan dapat merubah daripada penumpuan kepada proses pengajaran sahaja ke arah proses mendidikan murid-murid.
 - Dalam pengajaran model bahasa Arab perlu dipelbagaikan aktiviti permainan berbahasa dan aktiviti berkumpulan.
 - Guru model bahasa Arab perlu meneruskan penggunaan bahasa Arab semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
 - Guru model bahasa Arab perlu mempelbagai jenis sumber pembelajaran.
 - Guru model bahasa Arab perlu meningkatkan PdP bahasa Arab dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi.
 - Guru model bahasa Arab perlu sentiasa menggunakan bahasa Arab dalam perbualan bersama guru yang mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab dan murid-murid yang mengikuti model bahasa Arab.
 - Guru model bahasa Arab perlu meningkatkan suasana persekitaran berbahasa Arab dalam bilik darjah.
 - Guru model bahasa Arab perlu mengemaskini dan memaparkan pencapaian murid dalam pembelajaran model bahasa Arab.
 - Guru model bahasa Arab perlu mempergiatkan usaha dalam menjalankan aktiviti seni berbahasa dalam pembelajaran bahasa Arab.

KESIMPULAN

Aspek pelaksanaan pengajaran model program j-QAF perlu dipertingkatkan lagi oleh pelaksana iaitu mereka yang terdiri daripada guru pendidikan Islam yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar model program j-QAF di sekolah. Guru-guru perlu meningkatkan kefahaman terhadap aspek pengurusan dan pelaksanaan konsep, strategi, pendekatan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran program j-QAF yang sentiasa dikemaskini bagi menghasilkan mutu pengajaran yang lebih berkesan. Selain itu, kemahiran pengajaran juga perlu dipertingkatkan dan ditambah nilai untuk membantu mereka menjalankan pengajaran yang lebih baik dan melahirkan murid yang lebih cemerlang. Penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran program j-QAF lebih berkesan dan lebih menarik seterusnya dapat mengelakkan proses pembelajaran membosankan dan murid tidak berminat untuk belajar. Sehubungan itu, guru-guru Pendidikan Islam perlu memberi perhatian secara bersungguh-sungguh bagi memastikan program j-QAF yang dilaksanakan terus diberi keutamaan dan mendapat kepercayaan oleh ibu bapa, masyarakat dan pihak kementerian dalam usaha memperkasakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab yang bermula dari sekolah rendah.

RUJUKAN

- Ahmad Munawwar Ismail. 2009. Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Asmawati Suhid 2013. Penelitian dan Pemahaman Terhadap Model Program j-QAF. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayatti Alwi, Azimi Hamzah & Lukman Abd. Mutalib. 2013. Pemahaman dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *Journal Of Islamic Education*. January 2013. Vo; 1. Issue 1.
- Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Mohd Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Zanariah Noor, Mohd Abdul Aziz Mahmud & Hasanuddin Abd Hamid 2009. Penilaian Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan Projek Penyelidikan Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai: penerbit UTM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF. Cetakan Pertama. Bahagian Kurikulum pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur. Penerbit. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. Panduan Pelaksanaan dan Rancangan Tahunan Pendidikan Islam j-QAF Tahun 1. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran kokurikulum j-QAF Tahun 1. Cetakan ketiga. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur. Penerbit: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Zanariah Noor, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi 2013. Pelaksanaan dan Pencapaian Program j-QAF: Kajian Seluruh Malaysia. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Che Husain. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Usuluddin*. Universiti Malaya. 27:141-156.
- Zaidi Razak, Noor Jamaliah Ibrahim, Mohd Yamani Idna Idris, Emran Mohd Tamil, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Noor Naemah Abdul Rahman. 2008. Quranic Verse Recitation Recognition Module for Support in j-QAF Learning: A review. *IJCSNS International Journal of Computer Science and Network Security*, 8(8): 207-216.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohamed Sani Ibrahim. 2007. Profesionalisme Guru Novis. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.